

Menangani Kerencaman Kaum dalam Proses Bina Bangsa: Cabaran dan Pengalaman Malaysia

IKHTISAR: Kerencaman ras, bahasa, agama, budaya, dan geografi dikenalpasti oleh ramai sarjana sebagai penghalang kepada proses konstruksi bangsa Malaysia. Dari Rukun Negara, kepada Bangsa Malaysia, dan terkini 1Malaysia, pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan pemerintah bagi mengkonstruksi sebuah negara-bangsa namun tidak berhasil. Tinjauan asas mendapati kompromi longgar pemerintah dalam mengintegrasikan kaum-kaum yang ada menyumbang kepada permasalahan itu. Berbanding di Indonesia, Thailand, dan Singapura, ketegasan pemerintahnya yang tidak berkompromi dalam mengintegrasikan kaum menerusi asimilasi paksaan dan perundangan yang ketat telah berjaya membentuk bangsanya mengikut acuan masing-masing. Walaupun dikatakan politik Malaysia ada kecenderungan untuk buta warna dek ledakan maklumat dan pendemokrasian, ianya masih tidak memperlihatkan tanda-tanda untuk hilang selama-lamanya. Justeru itu, makalah ini bermatlamat melakukan tinjauan ringkas terhadap proses konstruksi bangsa yang telah diamalkan dan melihat secara kritis gagasan-gagasan tersebut dalam konteks sains politik dengan melihat tiga sudut utama: ideologi, ras, dan bangsa sebagai komponen pembinaan bangsa.

KATA KUNCI: Politik Malaysia, premordialisme, nasionalisme, perkauman, proses integrasi, dan konstruksi negara-bangsa.

ABSTRACT: Its unique compositions that based on multiracial, multi religious, multicultural, and multilingual as well as geographically divided has been identified by many scholars as an obstacle to the construction of Malaysia nation. Several efforts from "Rukun Negara" (national ideology), "Bangsa Malaysia", and the latest "1Malaysia" have been and are being made by the government in realizing the prospect but no avail. Initial survey has found out that tolerant government compromise to integrate the multiracial Malaysian has contributed to the problems. Compared to its neighbours, Indonesia, Thailand, and Singapore, the persistence of their rulers who does not compromise on racial integration has forced assimilation through strict legislation has succeeded in forming their own nation-state. Even though the recent trends show there is a tendency of Malaysian to be colour blind due to some kind of democratization and freedom of information access, still however, it did not show any sign that racial politics will disappear for good. Therefore, this paper aims to make a brief survey of the Malaysia nation-building programs and critically look at these programs by looking at three main angles: ideology, race, and ethnicity as the nation-building components.

KEY WORD: Malaysian politics, primordialism, nationalism, communalism, integration process, and nation-state building.

Mujibu Abd Muis ialah Pensyarah Sains Politik di Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi UiTM (Universiti Teknologi MARA) Terengganu, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi dengan alamat emel: mujibu@tganu.uitm.edu.my

PENDAHULUAN

Malaysia telah mencapai banyak kejayaan dalam pelbagai bidang semenjak ia merdeka pada tahun 1957. Kestabilan politiknya telah memangkin pelbagai kemajuan dan pencapaian luar biasa Malaysia dalam bidang sosial, ekonomi, pembangunan, pendidikan, dan sukan. Malah, ramai yang menganggap bahawa kejayaan Malaysia itu tidak sesuai dengan usia kemerdekaannya yang baru menjangkau 55 tahun.

Keupayaan Malaysia meletakkan dirinya sebaris dengan kuasa-kuasa ekonomi baru Asia, sebagai antara yang pesat membangun, turut mencatat satu lagi pencapaian luar jangka dan mengagumkan. Ianya berjaya dicapai dalam tempoh yang singkat, hasil daripada usaha keras bersama pemimpin dan lapisan rakyat. Secara umumnya, masyarakat di Malaysia menikmati kehidupan yang lebih baik berbanding sebelum merdeka. Di peringkat antarabangsa pula, dasar luar berkonsepkan *mutual benefits & peaceful co-existence* (saling beruntung & hidup aman bersama) terus mencipta impak yang positif buat Malaysia (Hilley, 2011). Justeru itu, tidak hairanlah apabila Malaysia sering dijadikan contoh model negara membangun berbilang kaum yang sering dirujuk oleh negara-negara sedang membangun yang lain.

Malangnya, kejayaan tersebut tidak berlaku kepada hubungan antara kaum di Malaysia. Selepas 55 tahun merdeka, hubungan antara kaumnya masih lagi mengekalkan *status quo* yang diwarisi sebelum pembentukan Malaysia yang moden. Sungguhpun pelbagai pendekatan dan program integrasi kaum telah dan sedang dilaksanakan, masih tiada tanda-tanda bahawa kerencaman itu akan terhakis dan membawa kepada pembentukan bangsa Malaysia yang diidam-idamkan.

Walaupun diperingkat permukaan hubungan antara kaum di Malaysia bolehlah disifatkan sebagai tenang, ianya hanyalah bersifat *camouflage & cosmetic* (penyamaran & kosmetik). Jauh di dasarnya masih tersemat kuat perasaan marah, kecewa, tidak puas hati, dan benci lalu mencipta dikotomi antara kaum yang berlanjutan hampir ke segenap aspek kehidupan. Dikotomi ini pula senantiasa diwarnai dengan perasaan syak dan wasangka, dengki-mendengki, serta etnosentrik berlebihan yang akhirnya menajamkan perasaan premordial, lantas mencipta kaum saingan. Akibatnya, hampir seluruh aspek sosio-ekonomi dan sosio-politik di Malaysia sering dilihat dari sudut *zero-sum* antara Melayu dan bukan Melayu.

Lantaran daripada itu, Rukun Negara, Bangsa Malaysia, dan terkini 1Malaysia antara gagasan nasional yang diutarakan pemerintah sebagai usaha mengurangkan *politiking* perkauman yang berlebihan dan seterusnya membentuk satu integrasi nasional. Jika diimbaz, gagasan-gagasan tersebut memiliki segala ramuan yang sesuai dalam membentuk integrasi dan asimilasi nasional, secocok dengan *landskap* sosio-politik di Malaysia. Namun begitu, dalam konteks pembinaan bangsa, ianya masih tidak menampakkan upaya untuk meluntur, lantas mengkonstruksi sebuah bangsa. Justeru itu, dalam

memahami permasalahan tersebut, beberapa persoalan harus dilontarkan. Berbanding negara-negara jirannya yang lain, sejauh mana akomodasi longgar *a la* Malaysia yang mendasari hubungan kaumnya akan terus bertahan; dan apakah gagasan-gagasan itu sudah memadai untuk membentuk bangsa Malaysia yang disasarkan.

RINGKASAN SEJARAH HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA

Seperkara yang menarik dalam memahami sosio-politik masyarakat di Malaysia ialah keupayaan mereka untuk terus-menerus hidup dalam keadaan “ketegangan yang stabil” atau *stable tension* (Amri Baharuddin, 2009). Hal ini terbentuk mengikut acuan pensejarahan yang panjang dan unik sejajar dengan perkembangan Malaysia sebagai sebuah negara bermasyarakat majmuk. Apa yang dimaksudkan Shamsul Amri Baharuddin (2009) dengan “ketegangan yang stabil” itu adalah sifat hubungan kaum di Malaysia yang senantiasa tegang dan tenang silih berganti. Walaupun demikian, ianya masih berlangsung dalam suasana harmonis yang tidak menjejaskan kepentingan dan survival sosio-ekonomi masing-masing.

Mengambil kira pengalaman Malaysia sebagai sebuah negara pasca kolonial, pembentukan masyarakat majmuk yang melatari demografinya bukanlah sesuatu yang bersifat semulajadi dan sukarela. Pembentukannya mempunyai pertalian rapat dengan kesan penjajahan dan perkembangan kapitalisme kolonial Inggeris yang mengeksploitasi sumber ekonomi dan alam atas desakan dan keperluan industri di Barat. Justeru itu, kewujudan masyarakat majmuk di Malaysia bolehlah disimpulkan sebagai satu proses sejarah yang dipaksa, terutamanya ke atas negeri-negeri Melayu di Semenanjung. Lebih malang lagi, Inggeris melaksanakan pendekatan dan pengiktirafan yang berbeza ke atas orang-orang Melayu sebagai bumiputera (tuan punya) negeri, manakala orang bukan Melayu pula sebagai imigran. Lantaran itu, ianya menajamkan lagi perasaan perkauman hampir dalam setiap aspek kehidupan, terutamanya selepas Malaysia mencapai kemerdekaan.

Dalam hal ini, ramai sarjana menyalahkan tindakan pecah dan perintah kolonial Inggeris sebagai penyumbang kepada masalah kerencaman yang ada. Angkubah mudah menyokong pendapat itu disandarkan kepada tindakan Inggeris sebagai pemerintah yang secara sistematik memisahkan tiga kaum utama di Tanah Melayu hampir di segenap sektor: ekonomi, pekerjaan, pendidikan, malah tempat tinggal. Memburukkan lagi keadaan, hampir tiada langsung usaha untuk mengintegrasikan secara serius kaum-kaum yang terpisah itu oleh pemerintah Inggeris, baik secara langsung mahupun tidak langsung. Tidak menafikan bahawa hujahan tersebut ada benarnya, namun menerimanya sebagai sebab utama permasalahan ras dan kerencaman di Malaysia adalah sesuatu yang bersifat simplistik dan linear.

Mengambil kira bahawa proses polarisasi kaum di Malaysia adalah satu proses pensejarahan yang panjang, tidak alami, dan dipaksa harus diakui

bahawa beberapa elemen lain turut menyumbang kepada permasalahan itu. Fakta bahawa kedatangan kaum lain untuk berdiaspora di Tanah Melayu sudah lama wujud sejak zaman kerajaan Melayu Melaka. Ini menunjukkan bahawa pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia bukanlah sesuatu yang bersifat semalaman (Yusoff Hashim, 1989). Justeru itu, pemahaman terhadap sejarah dapat membantu mendalami permasalahan sedia ada, lantas ianya menjadi lebih fokus dan holistik.

Dari sudut sejarah, perkauman di Malaysia lebih banyak dibincangkan dalam konteks naratif atau pengisahan untuk memeriksa dan menganalisis turutan peristiwa. Kadangkala ia cuba untuk menyiasat secara objektif corak-corak sebab dan akibat yang menilai peristiwa-peristiwa yang membawa kepada masalah perkauman di Malaysia. Dalam perbincangan itu, tiga faktor memainkan peranan besar dalam mencorak polemik hubungan kaum di Malaysia: peranan politik tradisional orang Melayu sebagai kaum asal, peranan kaum imigran (orang Cina dan India), serta peranan penjajah Inggeris sebagai tuan kolonial.

Peranan dan sumbangan politik tradisional orang Melayu sebagai kaum asal sememangnya memainkan peranan besar dalam pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. Ini kerana pembentukan sistem politik dan kerajaan Malaysia yang ada pada hari ini berkait rapat dengan pengekalan sistem itu yang disesuaikan dengan birokrasi moden Inggeris. Jika diteliti, sistem Raja Berperlembagaan yang mengurangkan kuasa mutlak Raja ke atas pemerintahan hari ini sebenarnya masih terus mengekalkan ciri-ciri politik feodal institusi kerajaan kerana mobiliti politik Malaysia masih lagi bersifat vertikal dan menegak yang membentuk satu dikotomi kuasa dimana Raja masih lagi dianggap sebagai simbolik kepada kuasa dan ketaatan.

Pengekalan ini senantiasa dilihat dari sudut tradisi dan adat resam orang Melayu yang pasif dan submisif. Menepati ciri-ciri masyarakat *Orient* atau Asiatik,¹ yang cenderung untuk bersifat despotik, kedudukan Raja sebagai pusat kuasa selalunya tidak dicabar dalam semua aspek pentadbiran. Tambahan pula, dikotomi kuasa antara pembesar dan Raja dalam sistem pentadbiran berbentuk piramid dan menegak itu senantiasa bersifat harmonis dan dinamis. Justeru itu, Raja sebagai pusat kuasa sentiasa membentuk kesetiaan yang tinggi terhadap penguasaannya. Berbanding sistem monarki di Barat, kuasa mutlak yang dipegang monarki dilihat terlalu dimonopoli oleh Raja sebagai pusat kuasa. Justeru itu, pengekalan sistem Raja Berperlembagaan yang wujud pada hari hanya bersifat simbolis dan perasmian (*ceremonial*).

¹Konsep masyarakat *Orient* dikemukakan oleh Karl August Wittfogel untuk mencabar konsep *Asiatic Mode of Production* daripada Karl Marx dalam menerangkan hubungkait lebihan (*surplus*) dalam dinamika hubungan rakyat marhaen yang bersifat autarki (*autarkic*) yang sentiasa dikawal oleh golongan pembesar yang zalim. Karl August Wittfogel melihat konsep masyarakat *Orient* ini memiliki pemerintah yang cenderung untuk bersifat despotik di mana rakyat ramai hanyalah sebagai "lautan boneka" (*ocean of puppets*) kerana kebebasan yang sedikit dan tidak relevan dari sudut politik. Keterangan lanjut, lihat Karl August Wittfogel (1957).

Uniknya di Tanah Melayu (Malaysia), sistem politik tradisional lebih dinamis disebabkan wujudnya kumpulan penampun terdiri daripada golongan pembesar yang mengimbangi dinamika hubungan Raja - Rakyat. Golongan pembesar sentiasa melihat Raja sebagai sumber keabsahan kuasa mereka, manakala Raja melihat pembesar sebagai simbol kedaulatan dan penguasaan baginda. Tambahan pula kesetiaan golongan pembesar terhadap Raja dipupuk dan dihias dengan aspek mitos, agama, dan tradisi yang seterusnya dipindahkan kepada rakyat jelata. Hasilnya hubungan antara Raja, pembesar, dan rakyat mencipta satu jaringan sosial bersifat *dyad* (saling memerlukan) yang dibentuk menerusi amalan penaungan (*patronage*).

Penerusan nilai-nilai politik tradisional tersebut masih diteruskan, malah bertaut kukuh dalam konteks politik Malaysia moden. Walaupun elemen politik moden telah diperkenalkan, tiada tanda-tanda bahawa nilai politik lama itu disisihkan terus daripada diamalkan. Hal ini disifatkan sebagai neo-feudalism di mana nilai dan amalan politik lama dikonstruksikan kembali dalam amalan politik baru. Pengkaji seperti Chandra Muzaffar (1979) dan Ahmad Nidzamuddin Sulaiman (2002) memperincikan perkara ini dalam kajian mereka dengan melihat bagaimana elemen-elemen neo-feudal ini dikekalkan dalam amalan politik baru yang dikukuhkan menerusi amalan penaungan dan konstruksi hegemoni. Uniknya, elemen itu hanya berpindah milik apabila kesetiaan itu diberikan kepada entiti yang baru, berbanding sebelumnya di mana fungsi Raja sebagai *symbolic protector* bertukar menjadi *substantive protector* apabila ianya diambil-alih oleh UMNO (*United Malays National Organization*) sebagai entiti baru untuk orang-orang Melayu.²

Kerencaman kaum di Tanah Melayu harus mengambil kira perkembangannya yang turut disumbangkan oleh kaum pendatang (imigran). Memahami bahawa kepesatan ekonomi serta kedudukannya yang strategik di tengah-tengah laluan utama entrepot perdagangan yang menghubungkan dunia Barat dan Timur menjadikannya wilayah pilihan untuk berdiaspora. Diperingkat permulaan, proses berdiaspora hanya bergerak disekitar alam dan kepulauan Melayu (*Malay archipelago*), namun begitu, ianya terus berkembang apabila kebanyakan kaum-kaum di luar alam Melayu merencanakan proses kerencaman dan kemajmukan masyarakatnya (Roff, 1957).

Kerencaman kaum tidak menjadi suatu masalah dalam kehidupan seharian masyarakat Tanah Melayu pada awal pembentukannya. Ini disebabkan kemakmuran ekonomi daripada aktiviti perdagangan dinikmati oleh hampir semua kaum yang ada. Dalam masa yang sama, kaum imigran berjaya mengasimilasi diri masing-masing dengan mencantumkan budaya asal dengan budaya kelompok asal Tanah Melayu. Dalam hal ini, berlaku satu pembentukan

²Chandra Muzaffar (1979:65) dan Ahmad Nidzamuddin Sulaiman (2002:47) menerangkan hal ini sebagai perubahan budaya politik feudal kepada neo-feudal dengan menyifatkan perubahan itu hanya beralih daripada raja dan bangsawan kepada elit politik, birokrat, dan teknokrat; sedangkan unsur-unsur feudal seperti kesetiaan, penaung-dinaung yang bersifat *submissive* masih dominan dan kekal seperti biasa.

budaya dan identiti yang sama berdasarkan versi kelompok yang dominan. Sebagai contoh, kewujudan komuniti *Baba* dan *Nyonya* serta *Melayu Peranakan* yang asalnya adalah komuniti Cina dan India, tetapi menyerap tradisi dan budaya kaum Melayu dalam kehidupan seharian mereka.

Kedatangan penjajah ke Tanah Melayu turut menyumbang kepada kerencaman tersebut. Walaupun Inggeris merupakan penjajah yang paling dominan dalam mencorak dan merencanakan pembentukan sosio-politik Malaysia yang wujud hari ini, kuasa penjajahan yang lain turut sama menyumbang kepada kerencaman kaum yang ada. Antara peranan utama Inggeris dalam mencorak kerencaman kaum di Tanah Melayu boleh dilihat menerusi kebanjiran kaum imigran generasi kedua, khususnya Cina dan India, yang diimport untuk industri timah dan getah.³ Dalam masa yang sama, sumbangan kuasa penjajah lain seperti Portugis, Belanda, Jepun, malah penguasaan sementara Parti Komunis Malaya (PKM) selepas kekalahan Jepun ketika Perang Dunia ke-2, turut mencorak landskap hubungan kaum sedia ada.⁴

Inggeris juga turut membawa perubahan dan evolusi terhadap sistem politik Tanah Melayu dengan memperkenalkan amalan demokrasi dan institusi birokrasi yang moden dan sistematik. Mengambil kesempatan ke atas hubungan Raja – Pembesar yang agak longgar, di mana terbentuk satu sistem politik bersifat autonomi dan penggiliran elit (*circulation of elites*) dikalangan Raja dan Pembesar yang menguntungkan Inggeris (Gullick, 1958), ia ternyata memudahkan proses pengawalan dan penjajahan Inggeris ke atas negeri-negeri di Tanah Melayu, lantas membuka ruang untuk terus mengeksploitasi peluang-peluang ekonomi yang terdapat padanya. Cuba untuk memaksimumkan keuntungan yang diperolehi, Inggeris memperkenalkan pengkhususan pekerjaan bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan hasil. Malangnya, niat tersebutlah yang menyumbang dan memburukkan lagi kerencaman kaum di Tanah Melayu.

³Kedatangan pekerja-pekerja imigran dari Selatan Cina dan Selatan India yang dibawa oleh Inggeris untuk memenuhi permintaan ekonomi di Tanah Melayu disifatkan sebagai “imigran generasi kedua” oleh Dr. Mahathir Mohamad. Ini kerana sifatnya yang terpisah dan mempunyai keterikatan yang kuat kepada negara asal mereka. Berbanding kaum “imigran generasi pertama” yang dapat berasimilasi dengan baik bersama kaum tempatan, generasi ini lebih *chauvinistic* disebabkan kedatangan mereka semata-mata mencari kekayaan untuk dibawa pulang ke negara asal. Lebih buruk lagi, pengkhususan sektor ekonomi atas nama peningkatan produktiviti menjadikan mereka hidup terpisah dan tidak berkongsi pandangan hidup yang sama. Justeru itu, usaha untuk membentuk perpaduan kaum, yang seterusnya membentuk negara-bangsa, agak sukar dimaterialisasikan. Keterangan lanjut, lihat Mahathir Mohamad (1995:36) dan (2005:4).

⁴Dalam hal ini Anthony Short (1977:10) menjelaskan bagaimana penjajahan Jepun dan tindakan PKM (Parti Komunis Malaya) turut meruncingkan hubungan antara kaum di Malaysia apabila sikap pilih kasih Jepun yang menindas dan mendiskriminasi kaum Cina ketika menguasai Tanah Melayu melahirkan *Malayan People's Anti Japanese Army* (MPAJA) dan seterusnya membentuk PKM yang disokong oleh orang Cina. Keganasan PKM ke atas orang Melayu dilihat sebagai satu cubaan balas dendam dan lepas geram kepada sikap Jepun terhadap mereka. Akibatnya, wujud perasaan skeptikal dan antagonistik antara orang Cina dan Melayu, yang trauma disebabkan oleh peristiwa itu.

Perkembangan hubungan kaum di Malaysia banyak dilatari oleh tiga sumbangan tersebut. Hampir kesemua persoalan tentang kerencaman dan hubungan kaum di Malaysia akan dikaitkan dengan sistem politik orang Melayu, peranan Inggeris, dan sumbangan kaum imigran. Walaupun pada permulaannya, kerencaman kaum di Malaysia tidaklah membawa kepada pertelagahan kaum sehinggalah ianya meletus pada tahun 1969. Sebelum tahun itu, hubungan kaum di Malaysia bersifat tarik-tali dan turun-naik. Dalam hal ini, ketegangan kaum yang tercetus pada tahun 1969 adalah disebabkan berlakunya tarik-tali dalam hubungan kaum yang disulam dengan interaksi kelas dan kepentingan etnik dalam artikulasi politik dan survival kaum masing-masing.

Menariknya, kekecohan kaum itu hanya tercetus selepas kewujudan Malaysia sebagai satu negara-bangsa yang merdeka. Walaupun wujud kekeruhan hubungan kaum sebelum merdeka, tetapi ianya tidaklah begitu menonjol sehingga mampu untuk mencetuskan pertelagahan. Semenjak daripada itulah hubungan kaum di Malaysia senantiasa berusaha untuk mencari dan mengekalkan butir-butir kejernihan daripada kekeruhan hubungan tersebut. Apa yang pasti, “perpaduan” dan “integrasi” menjadi dua perkataan keramat dalam penghayatan hidup masyarakat majmuk di Malaysia. Malah, kedua-dua perkataan ini telah dijulang sehingga ke paras mantra sosial sejak Rukun Negara diilhamkan oleh kepimpinan Tun Abdul Razak sebagai usaha secara sedar dan tersusun dalam membentuk perpaduan dan integrasi nasional selepas tragedi 1969 itu.

Beberapa program bina bangsa turut menyusul selepas Rukun Negara diperkenalkan. Antara yang menonjol ialah Bangsa Malaysia dan yang terkini 1Malaysia. Dua gagasan ini menunjukkan keinginan yang tinggi para pemimpin negara terhadap perpaduan dan integrasi bangsa supaya benar-benar menjadi kenyataan. Oleh kerana ianya sangat diidam-idamkan, semacam timbul satu anggapan bahawa ianya adalah satu tindakan tergopoh-gapah, malah melatah, untuk satu penyelesaian bersifat segera dan sementara. Ini kerana terbukti bahawa dalam sejarah sosio-politik Malaysia sejak sebelum merdeka lagi, situasi ini tidak mudah untuk dikawal dan diselesaikan secara total atas sifat kerencaman kaum, yang sebenarnya sudah berakar dan melatar sebagai asas polarisasi etnik, ekonomi, malah politik sejak kewujudan Kesultanan Melayu Melaka.

RUKUN NEGARA, BANGSA MALAYSIA, DAN 1MALAYSIA: PERSOALAN ASAS DALAM PEMBENTUKAN BANGSA

Mengandaikan bahawa perpaduan dan integrasi di Malaysia tidak berlaku dalam suasana *tabula rasa* (kotak kosong), maka sudah tentu Malaysia ada proses dan acuan sendiri dalam merangkanya. Dikenal pasti bahawa demokrasi permuafakatan (*consociationalism*) bertanggung jawab membentuk corak hubungan antara kaum di Malaysia (Abd Muis, 2009). Malah, ianya tersusun kemas dalam Perlembagaan Malaysia apabila kontrak sosial yang dipersetujui

elit antara kaum menjadikan permuafakatan kerangka asas pembentukan perlembangan tersebut (Abd Muis, Hussin & Azmier Mohamed, 2011).

Dalam hal ini, gambaran yang diberikan oleh J. Furnivall (1948) sebagai “bergaul tapi tidak bercantum” (*do mix but do not combine*) menepati ciri-ciri pembentukan perlembagaan tersebut disebabkan sifatnya yang hanya mengizinkan pergaulan menerusi premis yang tidak rasmi tanpa melihat garis pemisah yang menjadi punca permasalahan. Garis pemisah yang dimaksudkan disini adalah etnik, agama, budaya, sosial, pekerjaan, malah tempat tinggal. Sebagai contoh, dalam Perlembagaan Malaysia ada perkara yang khusus untuk orang Bumiputera dan umum untuk semua disebut secara silih berganti. Malah, hujahan J. Furnivall (1948) yang melihat pembentukan masyarakat plural ini adalah disebabkan tindakan pemerintah yang menggalakkan migrasi ekonomi atas kepentingan penjajahan nampaknya sesuai diaplikasikan ke atas Malaysia.

Walaupun J. Furnivall (1948) mempercontohkan Burma dan Indonesia dalam merangka konsep masyarakat pluralnya, terdapat ciri-ciri persamaan Malaysia dengan konsep yang dikemukakan oleh J. Furnivall dalam mendefinisikan masyarakat plural sebagai “*people who are characterized by division and conflict between human groups which are under a political system*” (Furnivall, 1948). Walaupun konsep itu menerangkan keadaan perkauman di *Netherlands Indie* (Indonesia) di bawah penguasaan kolonial Belanda, ramai yang menjadikan ianya sebagai literatur asas dalam membincangkan masyarakat berbilang kaum. Malah, Robert Hefner menganggap bahawa persamaan Malaysia dan Indonesia sebagai satu masyarakat plural itu disebabkan di Malaysia masyarakatnya terbentuk menerusi “*two or more elements of social orders which live side by side, yet without mingling, in one political unit*” (Hefner 2001:4).

Robert Hefner melihat bahawa “konsep masyarakat majmuk” daripada J. Furnivall (1948) dipandu oleh pendekatan ekonomi “neo-klasik” dengan mengubah andaian Adam Smith mengenai kehomogenan budaya dan menyesuaikan pandangannya dengan konsep pertukaran pasar (*market exchange*) dalam konteks Asia. Dalam hal ini, andaian Adam Smith yang menunjukkan bagaimana kepentingan pasar boleh mencipta “keamanan awam” kepada masyarakat plural adalah sukar untuk dioperasikan ke atas masyarakat kolonial di Asia, di mana lapisan masyarakatnya sentiasa berada dalam konflik, hanya bergaul dan berhubung ketika mengurus niaga, dan bertukar barangan di pasar (Hefner, 2001:6).

Dengan mengkritik J. Furnivall (1948) sebagai “terlepas pandang” kerana cuba mengaplikasi pendekatan chauvinist Barat yang melihat liberalisasi pasar sebagai kunci interaksi masyarakat plural, Robert Hefner (2001) menunjukkan bahawa kepelbagaian budaya tidak harus dilihat sebagai sumbangan kolonial Barat semata-mata. Sebaliknya, jika konflik kaum mahu diatasi, maka kepentingan kumpulan yang berkonflik itu perlu dihindarkan, atau sekurang-kurangnya diurus dengan baik. Pluralisme perlu disesuaikan dalam percubaan untuk mewujudkan masyarakat sivil. Idea-idea demokrasi

tidak boleh mengabaikan kelemahan sejarah dengan mengandaikan bahawa pertukaran pasaran akan mewujudkan “utopia” dalam permasalahan kaum (Hefner, 2001:47-48).

Pandangan Robert Hefner (2001) ini ada benarnya dalam melihat hubungan kaum di Malaysia. Pembinaan Malaysia, sebuah negara-bangsa yang merdeka, diasaskan kepada pengekalan penyatuan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*). Mengambil kira proses itu dibuat berdasarkan demokrasi bersifat liberal dan sejarah kerencaman kaum yang sudah berbekas, pendekatan pasaran sahaja masih belum mampu merungkai kerencaman kaum dalam konteks bina negara. Tambahan pula, kemerdekaan Malaysia di sekitar tahun 1950-an dan 1960-an memperlihatkan kecenderungan negara-negara pasca kolonial untuk mewujudkan sistem pemerintahan yang bersifat autoritarian. Kecenderungan ini berkait rapat dengan kondisi negara pasca kolonial yang bersifat heterogenus di mana tidak wujud satu konsensus politik dan keseragaman sosial dalam memenuhi pra-syarat kepada pembinaan sistem politik yang stabil dan demokratik. Negara seperti Indonesia dan Burma adalah yang mengambil pendekatan tersebut dalam pembentukan negara-bangsa dengan mengenakan kawalan negara yang kuat dalam perkara kerencaman kaum.

Berbanding negara-negara pasca kolonial yang lain di Asia Tenggara, Malaysia tidak menggunakan paksaan asimilasi dalam menyelesaikan persoalan segregasi. Indonesia dan Thailand sebagai contoh terbaik untuk menerangkan bagaimana “pembentukan bangsa” Indonesia dan Thailand menerusi asimilasi dan amalgasi paksa dengan mencantum secara *interventionist* dan sedar beberapa kumpulan etnik dalam satu kebudayaan dan identiti yang sama secara kekal yang akhirnya mengundang permasalahan baru yang membawa kepada perpecahan. Penyerapan kaum minoriti dalam bangsa Thai yang menjadikan agama Buddha sebagai pra-syarat menjadikan minoriti Melayu di Selatan Thailand memberontak menuntut pemisahan. Manakala, *Bhinneka Tunggal Ika* yang meraikan kepelbagaian kaum sebagai asas bangsa Indonesia akhirnya membawa kepada hilangnya identiti bangsa Indonesia itu sendiri dek akulturasi melampau dan faktor globalisasi.

Mengambil kira keunikan kaum serta sifat kerencaman yang berseghmen dan terpisah adalah berbahaya untuk Malaysia sekiranya turut sama menggunakan asimilasi dan amalgasi paksa dalam membina negara-bangsa. Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj Hussin dan Badrul Azmier Mohamed (2011:36) melihat komposisi kaum yang hampir seimbang dan dalam masa yang sama turut membentuk semacam kekuatan dan kelebihan kepada kaum masing-masing adalah punca mengapa ianya di Malaysia tidak dilakukan. Asasnya, mereka melihat kerencaman etnik sering membawa konflik kaum yang ketara, apatah lagi etnik yang berbeza itu mempunyai kedudukan ekonomi, pekerjaan, dan penempatan yang berbeza pula. Malah memburukkan keadaan lagi apabila ada etnik yang senantiasa melihat etniknya ditindas oleh etnik yang lain (Abd Muis, Hussin & Azmier Mohamed, 2011).

Menguatkan hujah tersebut, kajian Ahmad Nidzamuddin Sulaiman (2002) turut bersependapat dengan hujah yang dikemukakan oleh Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj Hussin dan Badrul Azmier Mohamed (2011). Dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa ketidakseimbangan politik selalunya akan menajamkan konflik perkauman sekiranya asas ketidakseimbangan itu dibezakan dengan faktor primordium dan kebendaan. Menurut beliau lagi, atas sebab inilah satu bentuk akomodasi harus dibentuk dimana perbezaan yang wujud boleh diseimbangkan menerusi proses tawar-menawar dalam suasana yang telus dan harmonis. Oleh sebab itu, demokrasi permuafakatan menjadi pilihan dalam konteks tiada pilihan sebagai asas pembentukan negara-bangsa Malaysia berbanding negara Asia Tenggara yang lain (Nidzamuddin Sulaiman, 2002:40).

Sungguhpun begitu, Mahathir Mohamad (2009b) melihat kelemahan demokrasi itu sendiri mengundang masalah dalam membina negara-bangsa, apatah lagi dalam sesebuah negara dimana struktur masyarakatnya rencam dan terpisah berdasarkan etnik, agama, budaya, ekonomi, malah tempat tinggal. Ini diterangkan oleh Mahathir Mohamad, dalam buku yang berbeza, di mana beliau melihat demokrasi sebagai:

Democracy is not the easiest way to govern a country. More often than not it fails to bring about stability, much less prosperity. It is disruptive because it tends to encourage sudden changes in policies and directions with each change in Government (Mohamad, 1995:9).

Hal ini dilihat setelah Rukun Negara yang direka untuk mencipta satu fokus negara, dimana prinsip-prinsip utama bertindak sebagai pemandu hala tuju hubungan antara kaum di Malaysia, seakan gagal mencapai matlamatnya (Mohamad, 2005). Dalam syarahannya yang membincangkan ilham gagasan beliau tentang “Bangsa Malaysia”, Mahathir Mohamad melihat bangsa Malaysia yang diilhamkan kerana Rukun Negara hanya bertindak sebagai satu kerangka yang menyasarkan peningkatan perasaan perkongsian (*shared purpose*) di kalangan rakyat Malaysia, sedangkan perkongsian itu tidak membawa kepada proses asimilasi jangka panjang yang membolehkan rakyat di Malaysia “bersatu atas sesuatu” yang lebih praktikal dan konkrit (Mohamad, 2009a).

Colin Abraham (2004) seakan-akan menyokong hujah Mahathir Mohamad itu. Beliau, dalam bukunya, menjelaskan bahawa penyatuan kaum tidak boleh terlalu bergantung dengan pendekatan falsafah dan ideologi yang menyasarkan kepada peningkatan perkongsian perasaan semata-mata dengan merujuk kepada perlaksanaan Rukun Negara. Walaupun menolak asimilasi sebagai jalan penyelesaian terhadap kerencaman hubungan kaum di Malaysia, beliau melihat bahawa konsep penyatuan dalam kepelbagaian seharusnya dikembangkan dimana penyatuan (*unity*) itu mestilah datang daripada kemahuan dan komitmen kaum masing-masing. Colin Abraham menjelaskan ini menerusi hujahnya: “*unity can only be durable if it rests on the basis of mutual regard and caring thought in terms of the other party*” (Abraham, 2004:41).

Melihat kepada pembinaan negara-bangsa di Malaysia, cabaran dan hala tuju proses tersebut senantiasa berlawanan dalam spektrum Melayu-Islam dan Modernisasi-Sekular (liberal). Untuk memahami paradoks tersebut, komitmen setiap kaum yang berbeza dalam melihat hala tuju Malaysia sebagai sebuah negara-bangsa dapat membantu perbincangan. Pembentukan negara-bangsa di Malaysia senantiasa dilihat dari perspektif Melayu *versus* Bukan Melayu. Walaupun kerencaman kaum di Malaysia memperlihatkan kewujudan pelbagai etnik dan sub-etnik yang berbeza, ianya tidak begitu ketika melontarkan pandangan masing-masing terhadap sesuatu isu, dasar, dan pendapat. Ironinya, apabila ianya berlaku, kerencaman itu menyatu dan memisah dalam perspektif Melayu dan Bukan Melayu.

Manifestasi ini selalunya dizahirkan menerusi dikotomi yang melihat sesuatu dari sudut Melayu-Islam dan Bukan Melayu – Bukan Islam (Hamidi Hamid, 2011). Misalnya, pembentukan negara-bangsa Malaysia yang dimaktubkan di dalam perlembagaan seakan-akan memiliki dua peruntukan berbeza berselang seli untuk Bumiputera – Bukan Bumiputera dan kadang-kadang untuk Islam – Bukan Islam. Perkara ini selalunya wujud apabila peruntukan perlembagaan itu menyentuh sesuatu yang sensitif seperti hak istimewa, kebebasan beragama, bahasa, dan sebagainya.

Terdapat tiga keadaan silih berganti yang dicuba dalam proses membina bangsa, apatah lagi menerusi Rukun Negara, Bangsa Malaysia, dan 1Malaysia. Dilihat ketiga-tiga proses itu masih mengekalkan nukleus asas hubungan kaum, iaitu bersatu dalam kepelbagaian. Dalam proses bina bangsa di Malaysia, sejarah telah memperlihatkan bahawa ia menghadapi tiga cabaran utama.

Pertama, memperlihatkan bagaimana menjadikan satu budaya mendominasi dan memaksa yang lain untuk berasimilasi dengannya agak sukar untuk dilaksanakan. Dalam hal ini, keseimbangan dan ketidakseimbangan komposisi kaum merupakan halangan utama dalam melaksanakannya. Walaupun wujud komuniti peranakan hasil daripada proses ini, ia sebenarnya berlaku lama dulu sebelum Malaysia merdeka.

Kedua, cabaran itu turut dilihat dalam kesukaran membentuk satu budaya baru daripada proses integrasi penuh berasaskan budaya-budaya yang lain. Sungguhpun berlaku akomodasi dan akulturasi sebagai pemangkin, ianya hanya berlaku di peringkat permukaan dan bersifat keraian (*ceremonial*), misalnya pinjam-meminjam unsur dan kelakuan serta budaya kelompok lain seperti makanan dan pakaian dimana yang dipinjam itu diselaraskan dengan norma dan nilai kelompok yang meminjam. Kadang-kadang ianya merentas amalan dan adat resam, misalnya perkahwinan rentas kaum, perkongsian perayaan seperti Kongsi-Raya atau Deepa-Raya. Didapati kesemua itu hanya bersifat menyedari (*realization*) bahawa mereka adalah berbeza namun perlu menghormati norma dan nilai kolektif satu sama lain. Setelah keterujaan dan fenomenanya hilang, masing-masing akan pulang ke kelompok masing-masing membawa haluan sendiri.

Ketiga, rintangan yang terakhir, menjadikan proses bina bangsa di Malaysia seakan berliku menuju ke penghujungnya. Rukun Negara, Bangsa Malaysia, malah 1Malaysia sebenarnya menghadapi dilema ini sebagai halangan utama dalam kerangka bina bangsa. Cabaran utama itu ialah wujud kepelbagaian budaya dimana setiap kaum kuat mempertahankan budaya masing-masing, malah tidak mahu membuka dan berasimilasi dengan budaya lain. Dalam masa yang sama, elemen primordial seperti agama dan bangsa dipegang kuat dan dijadikan tabu dalam kelompok masing-masing.

KESIMPULAN

Wacana tentang pembentukan bangsa dan integrasi kaum di Malaysia seringkali dianggap terlalu *superficial* dan mengabaikan aspek-aspek penting dalam proses pembentukannya. Mengambil kira asas “4-A”, iaitu: Asimilasi, Akomodasi, Akulturasi, dan Amalgasi sebagai proses terpenting dalam membina negara-bangsa, setiap program dan rancangan untuk membina bangsa harus mengambil kira setiap sudut aspek perlaksanaannya agar ianya benar-benar teliti dan sesuai dengan latar belakang demografi kaum di Malaysia yang sangat unik.

Ini bertujuan supaya program dan proses bina bangsa tidak sekadar bertujuan populis tetapi benar-benar untuk dihayati oleh semua lapisan masyarakat, bukan juga sekadar satu ideologi atau prinsip retorik sang politikus dalam meraih kuasa. Konsep Rukun Negara, Bangsa Malaysia, dan 1Malaysia seharusnya menjadi visi dan misi berjangka panjang yang menjadi matlamat terakhir dalam pengembaraan Malaysia menuju kestabilan dan keharmonian politik yang lestari.

Bibliografi

- Abd Muis, Mujibu. (2009). “Politik Permuafakatan: Satu Analisa terhadap Amalan Politik di Negara-negara Bermasyarakat Majmuk” dalam *Voice of Academia: Academic Series of Universiti Teknologi Mara Kedah*, Vol.4, No.2, ms.1-19.
- Abd Muis, Mujibu, Zaliha Hj Hussin & Badrul Azmier Mohamed. (2011). “Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12” dalam Mohd Azizuddin Sani & Abdul Rahman Abdul Aziz [eds]. *Agenda Ketahanan Nasional Malaysia*. Sintok: IPDM [Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir] dan UUM [Universiti Utara Malaysia], ms.31-58.
- Abraham, Colin. (2004). *The Naked Social Order: The Root of Racial Polarisation in Malaysia*. Subang Jaya: Pelanduk.
- Amri Baharuddin, Shamsul. (2009). “Melestari Perpaduan, Memperkukuh Integrasi: Konsep Satu Malaysia sebagai Wahana Terkini” dalam *Kumpulan Dokumen-dokumen Seminar Gagasan Satu Malaysia: Kesenambungan Satu Perjuangan*. Kuala Terengganu: Kerajaan Negeri Terengganu & Universiti Malaya.

- Furnivall, John. (1948). *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. New York: New York University Press.
- Gullick, John. (1958). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamidi Hamid, Wan. (2011). *Malaysia Milik Kita Bersama: Perjuangan 45 Tahun Parti Tindakan Demokratik (DAP)*. Kuala Lumpur: DAP Malaysia.
- Hefner, Robert. (2001). *The Politics of Multiculturalism, Pluralism, and Citizenship in Malaysia, Singapore, and Indonesia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Hilley, John. (2011). *Malaysia Mahathirism, Hegemony, and the New Opposition*. London: Zed Books.
- Mohamad, Mahathir. (1995). *The Malaysian System of Government*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp.
- Mohamad, Mahathir. (2005). "National Unity" dalam *Perdana Discourse Series*, No.1, ms.4-6. Shah Alam: UPENA & Perdana Leadership Foundation.
- Mohamad, Mahathir. (2007). "Media and National Development" dalam *Perdana Discourse Series*, No.6, ms.1-12. Shah Alam: UPENA & Perdana Leadership Foundation.
- Mohamad, Mahathir. (2009a). "Bangsa Malaysia" dalam *Perdana Discourse Series*, No.8, ms.1-29. Shah Alam: UPENA & Perdana Leadership Foundation.
- Mohamad, Mahathir. (2009b). "The Role of the Executive, Legislative, Judiciary, and Constitutional Monarchy in the Governing of Malaysia" dalam *Perdana Discourse Series*, No.9, ms.1-14. Shah Alam: UPENA & Perdana Leadership Foundation.
- Muzaffar, Chandra. (1979). *Protector? An Analysis of the Concept and Practice of Loyalty in Leader-led Relationships within Malay Society*. Penang: ALIRAN.
- Nidzamuddin Sulaiman, Ahmad. (2002). "Budaya Politik dalam Masyarakat Majmuk Malaysia" dalam Abdul Monir Yaacob & Suzalie Mohamad [eds]. *Etika dan Budaya Berpolitik dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Roff, William. (1957). *The Origin of Malay Nationalism*. New Haven: Yale University Press.
- Saat, Ishak. (2007). *Sejarah Politik Melayu Pelbagai Aliran*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Short, Anthony. (1977). *The Communist Insurrection in Malaya, 1948-1960*. London: Ian Allan Limited.
- Wittfogel, Karl. (1957). *Oriental Despotism: A Comparative Study of Total Power*. New Haven: Yale University Press.
- Yusoff Hashim, Muhammad. (1989). *Kerajaan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.



Malaysia adalah Satu Negara-Bangsa yang Berbilang Kaum
(Sumber: www.google.com, 9/10/2012)

Konsep Rukun Negara, Bangsa Malaysia, dan 1Malaysia seharusnya menjadi visi dan misi berjangka panjang yang menjadi matlamat terakhir dalam pengembaraan Malaysia menuju kestabilan dan keharmonian politik yang lestari.